



Penjawat awam perlu bersih, cekap, amanah elak bazir wang rakyat

Oleh Irwan Shafrizan Ismail - Februari 19, 2023 @ 5:29pm
bhnews@bh.com.my

PUTRAJAYA: Konsep bersih, cekap, amanah perlu disematkan dalam diri setiap penjawat awam supaya 'skrip' kerugian, ketirisan dan pembaziran wang rakyat dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) tidak terus berulang.

Penganalisis rasuah, Datuk Rohaizad Yaakob, berkata individu yang dipilih untuk menerajui jabatan atau kementerian tertentu juga mestilah lantikan yang tepat, berintegriti dan amanah.

"Bersih, cekap, amanah, ikhlas dan bertanggungjawab adalah perkara penting yang perlu ada dalam diri penjawat awam sekarang ini sebab kita menjaga hak rakyat.

"Sebagai penjawat awam sama ada ketua jabatan atau kakitangan bawahan, kena pakai konsep bersih cekap dan amanah, orang yang bersih dilantik untuk memegang jawatan dalam kerajaan.

"Kita tidak mahu wujud pemikiran, bila membabitkan peruntukan kerajaan, mereka akan kata bukan duit mereka, tapi duit kerajaan dan boleh dibelanja sesuka hati, tapi hakikatnya dia lupa duit itu duit mereka juga hasil bayar cukai.

"Jadi (kerana pemikiran begitu) tidak apalah kalau bazirkan duit untuk projek yang kadang-kadang kosnya hanya RM100 juta tapi kerana ada ruang untuk berlaku rasuah dan ketirisan ditambah sikap tidak jujur dan ambil kesempatan, kos menjadi RM200 juta.

"Kena lihat pada kemampuan dan kelayakan orang yang mentadbir itu untuk memastikan perkara yang membawa kerugian kepada negara dan rakyat tidak terus berlaku," katanya kepada BH hari ini.

Beliau berkata, kerjasama semua pihak terutama jabatan dan kementerian juga diperlukan tanpa terlalu menekan dan membebankan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menyiasat segala pembongkaran salah laku dan ketirisan dalam urus tadbir kerajaan.

"Audit dalam jabatan dan kementerian dibuat sejak berpuluh tahun, tapi hingga yang terbaharu, masih tiada perubahan, skrip sama berulang dan ketirisan terus berlaku.

"SPRM yang membuat siasatan, bukan tengok salah orang sahaja, tetapi dari segi tadbir urus kerajaan dan jika ada kekurangan mereka akan maklum kepada jabatan dan kementerian.

"Sebelum ini juga pelbagai inisiatif dilaksana bersama SPRM bagi mencegah rasuah, ada juga diletakkan pegawai mereka di setiap jabatan untuk lihat dan pantau tadbir urus, semua ini sudah dibuat

"Tapi kalau sekiranya pemimpin dalam jabatan atau kementerian itu sendiri tidak mahu 'walk the talk' untuk kekang rasuah, inisiatif SPRM ini tidak memberi apa makna," katanya.

Tambah Rohaizad, keanggotaan kakitangan SPRM terutama pegawai penyiasat juga perlu lihat kerajaan untuk penambahan.

"Kasihannya juga dengan SPRM, cuba kira berapa ramai keanggotaan mereka dan bandingkan pula berapa kementerian, berapa juta penjawat awam, berapa banyak projek dilaksana dan diluluskan dan sebanyak mana aduan diterima SPRM.

"Tidak banyak yang boleh mereka lakukan tanpa kerjasama semua pihak, kerana itu perlunya perubahan dilakukan, cara projek diurus dan bagaimana untuk mengurangkan ketirisan, cari penyelesaian dan bukan terus menuding dan mencari salah orang," katanya.

Sebelum ini, LKAN 2021 Siri 2 mendedahkan pelbagai kepincangan dan kelemahan dalam sistem kerajaan yang mengakibatkan kerugian, ketirisan dan pembaziran wang rakyat.

Antara yang didedahkan ialah kehilangan atau kerugian wang awam, pembayaran tidak teratur dan pembaziran sejumlah RM158.08 juta, yang dikesan di tiga kementerian dan empat agensi Persekutuan yang diaudit Jabatan Audit Negara.

Kementerian dan jabatan terbabit adalah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI); Kementerian Komunikasi dan Multimedia (K-KOM) dan Kementerian Pertahanan, manakala empat jabatan terbabit adalah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).